



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JEJAK POTENSI, RAIKAN DEDIKASI: WANITA TERUS DIPERKASA

KUALA LUMPUR, 14 APRIL 2026 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) terus komited memperkukuh kepimpinan wanita melalui pelaksanaan Program PERANTIS yang terbukti berjaya melahirkan lebih ramai pemimpin wanita berwibawa.

Komitmen ini dizahirkan menerusi penganjuran Program Inspirasi Wanita: Menjejak Potensi, Menghargai Dedikasi yang berlangsung hari ini di Kuala Lumpur bagi meraikan tokoh-tokoh wanita yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi serta kepimpinan yang cemerlang sepanjang pelaksanaan program PERANTIS tahun 2025.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri berkata, program PERANTIS merupakan inisiatif strategik kementerian dalam memperkasa kepimpinan wanita melalui pendekatan bimbingan, perkongsian pengalaman dan pembangunan kapasiti secara menyeluruh.

“Kita mahu melihat lebih ramai wanita bukan sahaja menyerlah dalam bidang masing-masing, tetapi juga berani melangkah ke peringkat kepimpinan dan pembuat keputusan. Program PERANTIS menjadi platform penting untuk membina keyakinan, keupayaan serta rangkaian sokongan dalam kalangan wanita” katanya.

Program PERANTIS dilaksanakan bermula pada tahun 2024, selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024. Kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 amat memberangsangkan. Seramai 1,247 peserta telah menerima bimbingan daripada 25 tokoh wanita dalam 10 bidang utama, meliputi kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan.

Pada tahun 2025, program ini diperluas dengan penglibatan 100 tokoh wanita dan 4,129 peserta dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Bagi tahun 2026, RM4juta diperuntukkan dengan sasaran penglibatan 80 tokoh wanita dan 4,000 peserta, sekali gus mengukuhkan lagi usaha melahirkan pemimpin wanita berkualiti di pelbagai sektor.

Usaha ini selaras dengan Dasar Wanita Negara serta Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan barisan pemimpin pelapis wanita dan peningkatan kemahiran kepimpinan. Program PERANTIS juga menyokong aspirasi nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) serta komitmen serantau melalui kerjasama ASEAN dalam memperkasa penyertaan wanita dalam kepimpinan, ekonomi dan pembangunan sosial secara inklusif.

Tema “Menjejak Potensi, Menghargai Dedikasi” yang dipilih amat bertepatan dengan semangat PERANTIS di mana setiap tokoh dan peserta mempunyai potensi yang tersendiri dan melalui program ini, potensi tersebut telah digilap berdasarkan pengalaman pembelajaran, bimbingan mentor serta pendedahan kepada pelbagai perspektif kepimpinan. Komitmen yang ditunjukkan sepanjang program ini membuktikan bahawa wanita berupaya memikul tanggungjawab kepimpinan dengan cemerlang, serta mampu menjadi sumber inspirasi kepada lebih ramai wanita.

Turut hadir YB Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM, YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 APRIL 2026**